

**UCAPAN OLEH
PROFESOR DR. MOHAMED IBRAHIM ABDUL MUTALIB
NAIB CANSELOR UNIVERSITI TEKNOLOGI PETRONAS**

PROGRAM STEM WAVES@PERAK 2019

**SABTU, 13 APRIL 2019
MOVIE ANIMATION PARK STUDIO (MAPS)**

[Senarai salutsasi tertakluk kepada pengesahan kehadiran]

**Yang Amat Berbahagia Dato' Seri Ahmad Faizal Dato' Azumu
Menteri Besar Perak Darul Ridzuan**

**Yang Berbahagia Datin Normah Hanum Dato' Ibrahim
Pengerusi Yayasan Pendidikan Kampar**

**Profesor Dr Noorhana Yahya
Pengerusi STEM WAVES@PERAK 2019**

Tetamu-tetamu kehormat,

Ketua-ketua Jabatan,

Pengetua-pengetua sekolah,

Wakil-wakil media,

Guru-guru dan pelajar-pelajar yang dikasihi sekalian

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Selamat Sejahtera dan Selamat Pagi.

Terlebih dahulu marilah kita merafakkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan izinNya, dapat kita berkumpul bersama-sama pada pagi ini bagi menjayakan Program STEM Waves Perak yang dianjurkan buat julung-julung kalinya. Bagi pihak Universiti Teknologi PETRONAS (UTP), saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berbahagia Dato' Seri Ahmad Faizal Dato' Azumu, Menteri Besar Perak di atas kesudian meluangkan masa untuk hadir bagi menyempurnakan majlis pada pagi ini.

Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua ahli jawatankuasa UTP dan Yayasan Pendidikan Kampar (YPK) yang telah bertungkus lumus bagi menjayakan program ini. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada pihak-pihak sokongan yang banyak membantu ahli jawatankuasa bagi memastikan program STEM Waves@Perak ini berjalan dengan lancar. Semoga berkat usaha kita semua dapat memberikan impak yang besar kepada para pelajar mahupun pihak yang terlibat dalam memperkasakan pendidikan STEM atau *Science, Technology, Engineering and Mathematics*.

Para Hadirin Sekalian,

UTP sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi yang berteraskan Kejuruteraan dan Teknologi, sentiasa komited untuk menerajui kemajuan dan kecemerlangan STEM demi pembangunan negara. Dengan ini, UTP mengembleng tenaga pakar bukan sahaja di UTP, tetapi juga menerusi jaringan kerjasama untuk melaksanakan tanggungjawab ini melalui pelbagai program dan aktiviti berkaitan STEM. Pendidikan STEM adalah amat penting sebagai persediaan kepada generasi muda untuk menghadapi Revolusi Industri 4.0 yang memberi impak besar dalam

dunia teknologi. Ia merupakan satu cabaran kepada generasi muda untuk mempelajari ilmu baru. Pengenalan kepada teknologi digital seperti kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence*), *Smart Factory* dan *Internet of Things* (IoT) adalah antara aspek yang perlu didalami oleh generasi muda untuk memenuhi kehendak industri dan menjamin kemajuan sesebuah negara.

UTP telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti untuk meningkatkan minat dan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan STEM dalam pembangunan negara. Di UTP, kami menganjurkan Pameran SEDEX atau *Science and Engineering Design Exhibition* setiap tahun. Kami membawa pelajar-pelajar sekolah dan masyarakat setempat ke UTP dan memberi mereka pendedahan kepada STEM. Kami berharap dapat menjadikan STEM lebih menarik kepada masyarakat umum, terutama pelajar-pelajar sekolah. Aktiviti yang dianjurkan akan melibatkan pelajar dalam suatu pengalaman pembelajaran yang membolehkan mereka menggunakan kreativiti, menyelesaikan masalah dan menggunakan pemikiran kritikal untuk menjadi pelajar yang mempunyai kemahiran tinggi dalam menyelesaikan masalah kompleks. Ini kemudian akan menggalakkan lebih ramai pelajar memilih aliran STEM di peringkat institusi pengajian tinggi.

Aktiviti dan program-program STEM yang telah dianjurkan oleh UTP membuktikan komitmen yang tidak berbelah bahagi pihak universiti dalam mendukung aspirasi negara terhadap penggalakan minat pelajar serta meningkatkan jumlah pelajar yang mengikuti bidang STEM di Malaysia. Pendidikan STEM memainkan peranan penting sebagai pemangkin untuk memenuhi cabaran dan permintaan ekonomi sekarang dan masa depan. Oleh itu, kita mesti menyediakan pelajar dengan kemahiran untuk

memenuhi cabaran sains dan teknologi dan memastikan bahawa Malaysia mempunyai bilangan graduan yang berkelayakan.

Para Hadirin Sekalian,

Sebelum saya mengakhiri kata, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Ahmad Faizal Dato' Azumu, Menteri Besar Perak kerana sudi hadir bagi merasmikan program STEM Waves @Perak dan Yayasan Pendidikan Perak. Kehadiran Yang Amat Berhormat amat saya hargai sepenuhnya. Kepada para ibu bapa dan guru-guru, terima kasih juga saya diucapkan kerana membawa para pelajar dan anak-anak hadir ke program STEM Waves @Perak ini. Semoga dengan program STEM Waves @Perak ini dapat memberikan manfaat kepada hadirin sekalian serta memberi impak yang positif kepada para pelajar terutamanya.

Sekian, saya akhiri ucapan saya dengan wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.